

16/02/2004

Perak gigih atur strategi makmur rakyat

WAWANCARA khas dengan Menteri Besar Perak Datuk Seri Diraja Dr Tajol Rosli Ghazali sempena lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke negeri Perak dan perasmian bangunan Umno Perak hari ini.

SOALAN: Lawatan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke Perak pada 16 Februari ini adalah lawatan rasmi pertamanya sebagai Perdana Menteri ke negeri ini. Sebagai Menteri Besar dan juga Pengerusi Perhubungan Umno negeri, bagaimana Datuk Seri melihat kepentingan lawatan ini?

MB: Kami pernah menerima lawatan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad ketika beliau menjadi Perdana Menteri, begitu juga Datuk Seri Abdullah ketika beliau menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri. Bagaimanapun, lawatan rasmi Pak Lah ke Perak kali ini adalah sebagai Perdana Menteri.

Memandangkan lawatan kali ini adalah lawatan rasmi pertamanya, sudah tentu kami akan meraikan dan mengalu-alukan pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri. Pak Lah sudah memaklumkan kepada kami beliau mahu bertemu semua lapisan rakyat negeri Perak.

Pada sebelah pagi, Pak Lah akan menghadap Sultan Perak. Selepas itu, kami membawa Pak Lah melawat Kampung Manjoi bagi melancar dan merasmikan Projek Perbandaran Manjoi iaitu kampung Melayu terbesar di negara ini dan beliau akan merasmikan upacara pecah tanah bagi projek perbandaran itu.

Soalan: Datuk Seri pernah berkhidmat dengan Dr Mahathir dan Pak Lah. Melalui pengamatan Datuk Seri, apa perbezaan paling ketara antara kedua-dua pemimpin ini?

MB: Pak Lah lebih bersikap terbuka, kita boleh berbincang dengan Pak Lah sebagai kawan atau adik beradik. Dr Mahathir juga agak terbuka tetapi apabila kita berbincang dengan beliau, kita lebih menghormatinya sebagai seorang bapa kerana mungkin wujudnya perbezaan usia. Dengan Pak Lah, beliau akan diam mendengar dan tersenyum tetapi dengan Dr Mahathir, anda perlu tangkas kerana jika tersilap, anda akan kena... Jadi, anda perlu berhati-hati sepanjang masa.

Sesetengah orang kata, Pak Lah nampak baik tetapi beliau juga boleh hilang sabar dan boleh meninggi suara. Dr Mahathir jarang bersikap demikian. Saya tidak pernah melihat Dr Mahathir meninggikan suara, tetapi dengan Pak Lah, pernah. Jadi, bila ada orang kata, Pak Lah baik, memang beliau baik, sehingga beliau hilang sabar.

Soalan: Boleh Datuk Seri ceritakan dalam kejadian apa yang menyebabkan Pak Lah hilang sabar?

MB: Kejadian itu sebenarnya berlaku pada 1993 ketika penamaan calon Naib Presiden Umno. Memang ada trend ketika itu dan ramai tidak boleh mengelaknya dan anda perlu mengikut trend berkenaan.

Pak Lah juga ketika itu bertanding jawatan Naib Presiden. Apabila beliau melihat cara pencalonan dijalankan, beliau naik marah. Pak Lah kecewa dengan trend yang ada. Beliau berkata: "Takkan orang Umno ni begini penakut?" dan perkara itu merujuk kepada kami.

Pak Lah kalah pada pertandingan berkenaan. Pak Lah hanya mendapat pencalonan minimum, cukup membolehkan beliau bertanding tetapi kalah. Ketika itu, Tan Sri Sanusi Junid juga bertanding bagi jawatan Naib Presiden.

Pak Lah tegas orangnya, walaupun mengambil masa lama untuk membuat sesuatu keputusan. Tetapi sebaik saja beliau membuat keputusan, beliau tetap pendirian.

Ini dapat dilihat dalam kejadian berhubung lokasi bangunan Kementerian Dalam Negeri (KDN) di Putrajaya. Ketika itu sudah ada kementerian lain mengisi bangunan terbabit. Jadi, pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU) membuat cadangan supaya KDN berpindah ke bangunan lain kerana lebih menjimatkan kos apabila pihak EPU sendiri membentangkan perkara itu.

Tetapi Pak Lah kata, KDN akan terus kekal di bangunan merah kerana beliau sudah buat keputusan. Jadi, kalau orang buat cadangan apa sekalipun, kalau beliau dah buat keputusan, perkara itu akan kekal.

Soalan: Bagaimana hubungan beliau dengan Umno Perak sebagai pemangku Presiden Umno dan Timbalan Presiden Umno?

MB: Saya tidak tahu kerana sebagai Pemangku Presiden, beliau masih baru. Setakat ini, kita tidak tahu gaya beliau sebagai Pemangku Presiden Umno tetapi ketika menjadi Timbalan Presiden Umno, beliau mengikut kepemimpinan tertinggi.

Saya rasa wujud kesinambungan dalam dasar parti walaupun ada perbezaan gaya. Pak Lah mahu kami menjadi pemimpin rakyat untuk rakyat kerana kami juga dipilih rakyat. Beliau juga bukan saja mahu kami semua bersih malah kelihatan bersih.

Soalan: Apa pandangan Datuk Seri mengenai dasar kerajaan berhubung rasuah dan ketelusan?

MB: Beliau mahu kita lebih cekap. Pada peringkat kerajaan negeri, kita ada Jawatankuasa Kecekapan dan Keselamatan yang dulu dipengerusikan Setiausaha Kerajaan Negeri tetapi kini di bawah Menteri Besar.

Berhubung isu rasuah, kerajaan negeri menubuhkan jawatankuasa membanteras rasuah tetapi kini, kita ada Jawatankuasa Kecekapan. Kita sering memantau pengeluaran hak milik tanah dengan semua permohonan dibuat melalui proses komputer.

Buat masa ini, kita memasukkan 27,000 permohonan dan 2,000 permohonan masih diproses. Sebaik semua maklumat dimasukkan ke dalam data komputer, kerja pemantauan dapat dilakukan.

Jika pemohon tidak layak, kami terus memaklumkan mereka tidak layak kerana ada kalanya tanah yang dipohon adalah milik orang lain atau tidak wujud.

Kini, kita boleh memberi jawapan terus tanpa perlu membawanya ke peringkat Jawatankuasa Bertindak. Banyak fail yang dibawa ke Jawatankuasa Bertindak hanya untuk ditolak. Sekarang, keputusan dapat dibuat tanpa merujuk jawatankuasa terbabit dan menjimatkan masa. Kebanyakan masalah yang ada membabitkan permohonan tanah.

Keadaan ini bukan bermakna Menteri Besar mempunyai kuasa lebih besar kerana jawatankuasa itu sebenarnya dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri. Sehingga kini, baru sekali saya mempengerusikan Jawatankuasa Keselamatan dan dua kali bagi Jawatankuasa Kecekapan.

Soalan: Bagaimana Datuk Seri melihat kesamaan di antara Dr Mahathir dan Pak Lah?

MB: Persamaan mereka yang ketara apabila mereka mempengerusikan Majlis Tertinggi Umno. Dr Mahathir kalau orang cakap meleret-leret, dia nak potong orang lain cakap pun macam serba salah tapi Pak Lah terus potong.

Kalau Pak Lah, jika kita tersilap dia akan diam saja tapi kalau Dr Mahathir, dia betulkan pada waktu itu juga. Persamaannya adalah mereka nak kita keep on track dan tak meleret-leret.

Soalan: Bagaimana hubungan kedua-dua pemimpin dengan ahli MKT yang lain?

MB: Pak Lah lebih mesra. Sebenarnya Dr Mahathir pemalu dan sebab itu apabila ke mana-mana dia bawa Dr Siti Hasmah. Dr Siti Hasmah yang ramah. Kalau dengan Dr Mahathir, kita tak cakap dia diam aje. Kalau kita bercakap dia dengar. Kalau tak betul dia tegur dan dia tak cakap banyak. Kita yang kena bercakap. Kalau dengan Pak Lah, kena topiknya, dia yang bercakap dan kita yang mendengar pula. Paklah is more talkative than Dr Mahathir.

Soalan: Bagaimana persiapan untuk lawatan Pak Lah? Adakah pemergian ibunya ke rahmatullah diambil kira dalam membuat persiapan?

MB: Kita tak ada acara yang kita fikir boleh menyentuh perasaan Pak Lah dalam masa beliau sedang bersedih. Perasmian bangunan Umno misalnya kita mulakan dengan bacaan al-Quran dan nasyid.

Soalan: Apa keistimewaan Gugusan Manjoi kepada pembangunan Perak?

MB: Gugusan Manjoi mempunyai 40,000 penduduk tapi pekannya semua di luar kawasan, macam Kampung Baru di Kuala Lumpur. Orang Kampung Baru, pekannya Chow Kit. Hotel dan kompleks beli-belah di luar Kampung Baru. Manjoi juga begitu. Berbeza dengan Kampung Sungai Rokam yang mempunyai pekan Medan Gopeng. Itupun kita akan gabungkan Rapat Setia, Sungai Rokam dengan Kampung Melayu dekat dengan Lapangan Terbang, untuk kita wujudkan pekan di tengah-tengahnya.

Kita bernasib baik mempunyai tanah kerajaan seluas 17 ekar (6.8 hektar) di Sungai Tapah (sebahagian daripada Gugusan Manjoi). Inilah yang akan dibangunkan. Kita nak orang Manjoi sendiri terbabit bangunkan kawasan itu. Orang Manjoi ramai dah berjaya dan kita mahu mereka bangunkan tapak rumah yang sekarang mempunyai nilai tinggi.

Penduduk di Perak tak nak tinggal jauh dari pekan. Manjoi cukup dekat dengan pekan, keliling Manjoi sudah membangun. Penduduk Manjoi boleh bangunkan tanah untuk bina bangunan empat tingkat. Kalau ada orang boleh gabungkan beberapa lot tanah dan bangunkan kondominium, mereka boleh dapat faedah daripada itu.

Kerajaan negeri janji pertukaran status tanah daripada rumah sebuah kepada kondominium dengan harga RM10 saja. Selalu nilainya berpuluh ribu ringgit.

Soalan: Adakah benar pembangunan di Perak terlalu perlahan?

MB: Untuk pembangunan, kita kena ada aktiviti ekonomi. Pembangunan Perak dulu bergantung pada lombong. Di mana ada lombong, situlah yang naik. Tapi di Sungai Manik dan Parit Buntar aktiviti ekonominya ialah hasil padi. Manakala di Teluk Intan pembangunan dibawa oleh kelapa sawit. Jadi apabila lombong bijih lumpuh, sudah tak ada apa lagi. Tan Sri Ramli Ngah Talib beri perhatian kepada industri. Tapi kita juga bernasib baik kerana aktiviti lombong akhirnya akan menyebabkan tanah yang dilombong menjadi tanah kerajaan. Jadi, kita banyak tanah kerajaan. Sesetengah tanah bekas lombong sesuai untuk aktiviti lain seperti pertanian.

Tapi sebab kita nak pelabur asing datang walaupun tak ada pelabuhan dan lapangan terbang antarabangsa, kita bernasib baik kerana ada banyak tanah yang quite flat. Di Kampar kita beri tanah untuk Universiti Tunku Abdul Ramah (Utar) dan di Batu Gajah untuk depot kereta api yang akan dipindahkan dari Sentul. Kita juga bersetuju untuk bina Kem Batu Kantomen baru di Sungkai seluas 1,000 ekar (400 hektar) yang agak murah RM1,000 seekar (0.4 hektar). Yang mana akan ada perpindahan antara 7,000 hingga 8,000 tentera yang bakal merencanakan pembangunan bandar Sungkai.

Bandar Sungkai terletak di laluan landasan kereta api berkembar. Maknanya orang yang bekerja di Kuala Lumpur boleh tinggal di Sungkai, Tanjung Malim dan Gunung Besout.

Baru-baru ini, Felda berhasrat membangunkan kawasan Trolak dan Gunung Besout, lebih kurang 100 ekar (40 hektar). Harga bagi conversion itu adalah RM10, sebab kita percaya dia akan convert lagi dan buat pelbagai industri.

Apabila industri lombong bijih lumpuh, banyak rumah kosong di Ipoh dan harga sewa rumah murah.

Soalan: Apakah keutamaan yang diberi kerajaan negeri.

MB: Kita banyak dapat pelaburan dalam bentuk kilang simen di Tasek, Chemor, Padang Rengas yang bernilai RM1 bilion tiap satu. Ada Proton City di Tanjung Malim bernilai RM4 bilion. Baru-baru ini, Perak Hanjoong di

Padang Rengas tambah pelaburan RM900 juta. Selain itu, yang kita hendak bangun ialah industri pertahanan. Kita ada kilang pembuatan kapal Offshore Patrol Vessels (OPV) di Lumut. Hendak baik pulih kapal selam juga di Lumut. Kita juga sediakan 300 ekar (120 hektar) tanah kepada Tan Sri Amin Shah Omar Shah (Pengerusi Eksekutif Kumpulan Business Fokus) di Tanjung Tualang untuk kawasan ujian senjata bawah tanah seperti meriam dan senapang.

Kita sedar, kita tidak boleh tarik minat syarikat elektronik. Tapi kalau mereka berminat datang, kita sedia beri tanah yang murah untuk membina kilang dan hostel pekerja. Kita mempunyai tanah untuk menjadi daya tarikan.

Soalan: Adakah benar kerajaan negeri ingin menempatkan industri pertahanan di negeri ini?

MB: Seperti saya nyatakan tadi, di Batu Gajah kita beri tanah 1,000 ekar (400 hektar) kepada tentera. Di Sungkai, ada 1,000 ekar (400 hektar) lagi. Di pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Lumut, kita ada 14,000 anggota tentera. Jadi, akhirnya esok, Perak kemungkinan mempunyai 25,000 anggota tentera. Itu tidak termasuk di kem lain di Taiping dan Pengkalan Hulu. Kalau kita kira, antara 25 hingga 30 peratus daripada kira-kira 100,000 tentera akan berada di Perak.

Projek landasan berkembar Kuala Lumpur-Ipoh juga membantu tingkatkan lagi pembangunan di sepanjang kawasan terbabit. Kita ada berpuluh-puluh ribu ekar tanah yang boleh dibangunkan dan ia akan menjadi pemangkin pembangunan seterusnya.

Soalan: Adakah Datuk Seri berpuas hati dengan pelaksanaan projek pembangunan di negeri ini sekarang?

MB: Saya tidak berpuas hati. Sebenarnya kalau boleh saya hendak percepatkan lagi pembangunan terutama di Lumut-Pangkor. Lebuhraya Ipoh-Lumut mesti disiapkan tetapi sehingga hari ini lebuhraya itu tidak dapat disiapkan kerana tak viable. Itu sebab kita minta Kerajaan Pusat membantu dan memberi peruntukan untuk tujuan ini kerana Lebuhraya Ipoh-Lumut memendekkan perjalanan kepada 35 minit berbanding jalan sedia ada lebih kurang 1 jam 45 minit.

Jika 35 minit, orang boleh tinggal di Lumut, kerja di Ipoh dan tentera di Lumut boleh tinggal di sini. Lumut akan membangun kerana orang beli rumah percutian di Lumut.

Soalan: Bolehkah dihidupkan semula projek lebuhraya itu?

MB: Projek itu masih boleh dilaksanakan tetapi tidak ada pihak yang sanggup melakukannya. Kita juga menghadapi masalah dengan penerbangan kerana hanya ada satu penerbangan Kuala Lumpur-Ipoh dan sebaliknya setiap hari. Kita sudah jemput Air Asia tapi belum mendapat jawapan.

Soalan: Apakah strategi pembangunan Perak?

MB: Kita ingin bangun pelancongan tapi ia perlu seimbang. Sebagai contoh jika kita beri sebuah pulau untuk dibangunkan, apa yang akan berlaku pada orang kampung terutama orang Melayu di kawasan terbabit.

Soalan: Sejauh manakah usaha yang dilakukan kerajaan negeri bagi memastikan sektor pertanian berfungsi penting dalam pembangunan negeri?

MB: Sejak dulu kita tanam padi di Sungai Manik dan Kerian. Kawasan itu adalah satu-satunya estet padi di Malaysia seluas 12,000 ekar terletak di Felcra Changkat Lada. Saya turut buat dasar supaya kawasan penanaman kelapa sawit tidak diberikan kepada syarikat swasta. Kita memajukan ladang untuk rakyat yang dijual kepada rakyat pada harga RM12,500 setiap hektar. Mereka bayar 10 peratus, RM1,250 dan bakinya mendapat pinjaman Bank Pertanian. Jadi, kita akan serahkan hak milik mereka.

Kita ada ladang untuk rakyat, kita ada ladang untuk peladang. Ladang untuk rakyat ini dibuat Perbadanan Pertanian Negeri Perak (SADC). Ladang peladang ini dibuat oleh pertubuhan peladang negeri. Kita ada ladang

pahlawan, kita ada ladang usahawan pahlawan dan kita ada ladang usahawan Tani. Kita bernasib baik kerana SADC mempunyai wang mencukupi.

Soalan: Boleh cerita sikit mengenai konsep ladang pahlawan?

MB: Ladang pahlawan kita jual kepada anak Perak yang juga bekas tentera dan polis. Kita beri 70 peratus kepada bekas tentera dan 30 peratus kepada bekas polis untuk masa depan mereka.

SADC juga ada kilang sendiri. Ladang rakyat adalah milik Perbadanan Ekonomi Negeri Perak (SEDC), dan keuntungan diberikan kepada peserta Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) sebanyak RM250 sebulan. Ladang untuk rakyat pula dijual kepada orang ramai dan mereka dapat lebih kurang RM100 bagi setiap ekar.

Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam juga diberi di antara 4,000 hingga 5,000 ekar dan mereka dapat hasil kira-kira RM500,000 sebulan.

Soalan: Apakah cabaran utama memajukan Perak?

MB: Masalah utama ialah menarik lebih ramai pelabur. Kalau mereka ingin membuka industri elektronik mesti dekat dengan lapangan terbang. Kalau hendak pelabur dalam bidang yang memerlukan kapal, mereka boleh melabur di Pulau Pinang dan Pelabuhan Klang. Tapi kalau mereka mahukan tanah untuk peliharaan ayam, mereka boleh datang ke Perak kerana projek itu perlukan 1,000 ekar (400 hektar) termasuk 500 ekar (200 hektar) zon penampungan. Kita memberi pajakan antara 20 hingga 30 tahun. Kita dapat menarik pelabur dalam pemeliharaan ayam dan udang.

Soalan: Adakah Perak menjalankan misi pelaburan dan perdagangan di luar negara untuk tarik pelaburan?

MB: Ketika saya dilantik sebagai Menteri Besar, negara baru menghadapi masalah ekonomi. Saya membuat misi pelaburan ke India pada 2001 untuk membawa industri Teknologi Maklumat, tetapi sehingga sekarang tidak menunjukkan apa-apa. Seperti Selangor, mereka tidak perlu misi pelaburan kerana pelabur tetap datang melabur.

Soalan: Ada pihak berpendapat daya penarik ke Perak tidak kuat. Apa produk pelancongan yang menarik di negeri ini?

MB: Seperti di seluruh negara, kita tidak ada pakej pelancongan. Bagaimana hendak sampai ke tempat menarik seperti Gua Tempurung. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Perak (SEDC) beli dua coasters untuk syarikat swasta bawa pelancong ke situ tapi kurang berjaya. Sektor swasta termasuk hotel kurang inisiatif melaksanakan pakej pelancongan. Takkan orang datang nak tidur saja.

Soalan: Berapa peruntukan untuk pelancongan di Perak?

MB: Dulu kita peruntukkan lebih RM6 juta dengan penumpuan kepada pengiklanan. Sekarang siapa datang ke Perak buat function kita beri mereka makan malam percuma. Kita juga buat Karnival Sure Heboh TV3 dan anjurkan bersama pertandingan memancing Joran. Orang datang dan kita dapati kempen begini mendapat sambutan baik.

Kerajaan negeri tidak memperoleh pendapatan secara terus daripada industri pelancongan negeri, tetapi kita perlu ingat, Bandaraya Ipoh mendapat cukai manakala penduduk tempatan mendapat kerja. Kerajaan Pusat juga memberi sokongan kepada kerajaan negeri dalam sektor ini.

Kita ada 10 tarikan di Perak tetapi tidak satu pun yang mencapai tahap antarabangsa. Kita mesti dapat kerjasama padu pihak swasta untuk majukan produk pelancongan.

Contohnya jika ada orang hendak tanam bunga tulip di Bukit Maxwell, kerajaan negeri sanggup bagi geran RM100,000. Dengan adanya jalan yang baik di antara Kuala Lumpur dan Ipoh, lebih ramai orang yang akan berulang-alik dan singgah di Ipoh. Anak-anak akan melawat ibu bapa dengan lebih kerap. Kos makanan di Ipoh lebih murah dan mereka juga boleh ke Bukit Merah. Kalau ada lebuhraya ke Lumut kita juga boleh ke sana.

Soalan: Bagaimana pula dengan bidang sukan. Apakah jenis sukan yang agak

menyerlah di Perak?

MB: Sukan memanah adalah sukan yang menunjukkan pencapaian yang baik di negeri ini. Kita mempunyai seorang guru di Pengkalan Hulu yang melatih pelajar dalam sukan memanah ini di tiga sekolah. Apa yang membanggakan, pemenang pingat emas pertama Malaysia ketika Sukan Sea Vietnam ke-12, baru-baru ini ialah Mohd Marbawi Sulaiman dari Pengkalan Hulu.

Soalan: Mengenai pemimpin pelapis di Perak, apakah persediaan yang dilakukan oleh pucuk pimpinan negeri?

MB: Kami beruntung kerana ada Datuk Ahmad Zahid Hamidi (Ahli Parlimen Bagan Datoh), Datuk Ahmad Husni Hanadzalah (Ahli Parlimen Tambun), Datuk Hamzah Zainuddin (Ketua Bahagian Ipoh Timur) dan Datuk Dr Zambry Abdul Kadir (Ketua Pemuda Umno Perak yang banyak memegang jawatan tinggi. Datuk Ahmad Zahid misalnya adalah Ahli Parlimen Bagan Datoh dan Pengerusi Syarikat Perumahan Negara, Datuk Hamzah yang juga senator adalah Pengerusi Felcra Berhad manakala Datuk Husni Pengerusi Yayasan Perak, Matrader dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Bagi wanita pula kita ada Datuk Kamalia Ibrahim iaitu Exco Wanita dan Ketua Puteri Noor Asmah Mohd Nawawi juga seorang peguam.

Soalan: Bagaimana persediaan menghadapi Pilihan Raya Umum ke-11?

MB: Kita yakin boleh rampas kembali kerusi yang Umno kalah pada Pilihan Raya Umum 1999, jika kita dapat ketengahkan calon yang sesuai di Parit Buntar dan Parit.

Soalan: Berapa peratus muka baru yang akan diletakkan di Perak?

MB: Kita ada tujuh kerusi baru dan lapan orang lama yang kalah. Kalau kita bagi dua ketua bahagian yang kalah bertanding semula, kita ada 13 kerusi. Dalam MCA dan Gerakan pun ada yang akan digugurkan. Dalam Umno sendiri pun ada lagi seorang dua.

Soalan: Datuk Seri berhasrat menjadikan setinggian sifar di negeri ini menjelang 2005, apa usaha dijalankan ke arah itu?

MB: Dulu saya ingat orang Perak macam orang Selangor. Kalau orang Perak macam orang Selangor, memang boleh sasaran itu dicapai. Tapi orang Perak tak mahu flat, mereka mahu lot rumah. Memang boleh, tetapi kita perlu mengambil masa. Kalau mereka sanggup beli lot rumah, tiada masalah. Tapi mereka mahukan lot rumah dengan harga RM400, selain kerajaan menyediakan bekalan air, elektrik dan jalan. Saya tidak fikir kerajaan negeri dapat melaksanakannya.

Soalan: Boleh Datuk Seri cerita sedikit mengenai Royal Belum dan apakah pendekatan yang diambil bagi memastikan alam semula jadi di kawasan itu tidak terjejas?

MB: Royal Belum berkeluasan kira-kira 117,500 hektar. Kita mahu tarikan jangka panjang. Kawasan ini tidak pernah dibalok kerana dulu berada dalam kawasan keselamatan, sekarang tidak lagi, jadi kita wartakan sebagai hutan simpan sebab tidak mahu ia dibalok. Jadi, kita jadikan Hutan Negeri dan Sultan Perak, Sultan Azlan Shah berkenan ia dijadikan Royal Belum. Kita sudah lantik seorang pegawai sebagai Pengurus Besar Perbadanan Taman Negeri. Yang penting sekali kita kena bangunkan pakej pelancongan.